

KEMPEN BONUS FAEDAH/KEUNTUNGAN PERBANKAN PRIORITI HONG LEONG BANK

Kemaskini terakhir pada 12 September 2019

TERMA DAN SYARAT ('T&S')

Terma dan syarat kempen adalah seperti berikut :-

TEMPOH KEMPEN

Kempen Bonus Faedah/Keuntungan Perbankan Prioriti Hong Leong Bank Berhad 193401000023 (97141-X) ("**HLB**") dan Hong Leong Islamic Bank Berhad 200501009144 (686191-W) ("**HLISB**") (selepas ini dirujuk sebagai "**Bank**") bermula pada **15 September 2019** dan berakhir pada **31 Disember 2019**, ("**Tempoh Kempen**"), melainkan jika diberitahu sebaliknya.

KELAYAKAN

1. Kempen ini terbuka kepada Pelanggan Perbankan Prioriti Sedia ada dan/atau Pelanggan Perbankan Prioriti Baharu ("**Pelanggan Perbankan Prioriti**"). Kempen ini tidak disesuaikan kepada pelanggan bukan individu termasuk pemilikan tunggal, perkongsian, amalan professional, syarikat dan badan korporat.

Bagi mengelakkan keraguan:-

- i. "**Pelanggan Perbankan Prioriti Sedia Ada**" bermaksud pelanggan Perbankan Prioriti yang merupakan pemegang akaun utama mana-mana Akaun Penyertaan/-i sebelum Tempoh Kempen dan memenuhi kriteria Ahli Perbankan Prioriti sebelum Tempoh Kempen.
 - ii. "**Pelanggan Perbankan Prioriti Baharu**" bermaksud Pelanggan Perbankan Prioriti yang tidak mempunyai Akaun Penyertaan/-i sebelum Tempoh Kempen dan memenuhi kriteria Ahli Perbankan Prioriti semasa Tempoh Kempen.
2. Pelanggan Perbankan Prioriti yang merupakan pemegang akaun utama kepada akaun-akaun berikut (Akaun Penyertaan/-i) adalah layak untuk menyertai Kempen:
 - a) Akaun Simpanan Asas / Akaun Simpanan Asas-i
 - b) Akaun Simpanan / Akaun Simpanan-i
 - c) Akaun Semasa Asas / Akaun Semasa Asas-i
 - d) Akaun Semasa / Akaun Semasa-i
 - e) Akaun Simpanan Senior Savers
 - f) Akaun Simpanan Harvest
 - g) Akaun Pay&Save / Akaun Pay&Save-i
 - h) Akaun Smartlink
 - i) Akaun Top Yield
 - j) Akaun Simpanan One
 - k) Akaun Semasa One / Akaun Semasa One-i
 - l) Akaun Semasa Senior Prime
 - m) Akaun Peti Simpanan Selamat
 - n) Akaun Simpanan Berbilang Tingkat-i
 - o) Akaun Simpanan Premium
 - p) Akaun Gaji Simpanan Asas / Akaun Gaji Simpanan Asas-i
 - q) Akaun Gaji Simpanan / Akaun Gaji Simpanan-i
 - r) Akaun Gaji Pay&Save / Akaun Gaji Pay&Save-i

3. Pelanggan Perbankan Prioriti yang telah melakukan atau disyaki melakukan apa-apa penipuan atau kesalahan berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberi oleh HLB/HLISB atau telah diisytiharkan muflis atau bakal dikenakan prosiding kemuflihan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Kempen **TIDAK** layak menyertai Kempen ini

KAEDAH KEMPEN

4. Pelanggan Perbankan Prioriti yang memenuhi kriteria Kempen (“**Pelanggan Perbankan Prioriti yang Layak**”) layak mendapat Bonus Faedah/Keuntungan Kempen seperti yang dinyatakan didalam jadual dibawah:

	Kriteria Kempen	Kempen Bonus Keuntungan
Kaedah Kempen & Syarat-Syarat	<ul style="list-style-type: none"> • Deposit minima penambahan BPH (seperti yang ditakrifkan dalam klausa 7) sebanyak Ringgit Malaysia Tiga Puluh Ribu Ringgit(RM30,000.00) sepanjang Tempoh Kempen dalam mana-mana Akaun Penyertaan/-i berbanding garis dasar (seperti yang ditakrifkan di dalam klausa 11). • Pelanggan Perbankan Prioriti mestilah mempunyai baki minimum sebanyak Ringgit Malaysia Enam Puluh Ribu Ringgit (RM60,000.00) pada akhir Tempoh Kempen. • Dana Baharu yang telah diperuntukkan bagi mana-mana kempen lain semasa Tempoh Kempen akan DIKELUARKAN daripada pengiraan penambahan Baki Purata Harian. 	<p>Bonus Keuntungan sebanyak 2.60% setahun untuk Penambahan Baki Purata Harian semasa Tempoh Kempen.</p>

5. Kempen ini sah untuk Dana Baharu sahaja. “Dana Baharu” ditakrifkan sebagai
 - a) Wang Tunai, pindahan segera, GIRO antara bank, dana baharu yang diterima melalui pindahan telegraf daripada bank lain, cek tempatan atau cek jurubank yang dikeluarkan oleh bank lain dan didepositkan ke dalam Akaun Penyertaan-i: dan
 - b) Perolehan daripada penebusan ekuiti, dana unit amanah, bon / sukuk dan / atau ‘Hong Leong Invest Safe’ yang didepositkan semula ke dalam Akaun Penyertaan/-i sepanjang Tempoh Kempen.
6. Yang berikut tidak boleh dianggap sebagai “Dana Baharu”:
 - a) FD/ FD-i yang matang atau pengeluaran pramatang FD/FD-i dari mana-mana akaun FD HLB / FD-i HLISB yang sedia ada:
 - b) Pindahan dana antara bank, iaitu pemindahan dana dari akaun HLB/HLISB yang lain (sama ada Akaun Simpanan, Simpanan Semasa-i, FD, FD-i, Akaun Pelaburan Berjangka-i, Akaun Pelaburan AM (‘GIA’) atau Akaun Pelaburan (‘IA’); dan
 - c) Pindahan antara cawangan di dalam HLB dan HLISB termasuk pindahan pihak ketiga (ke-3).
7. BPH adalah singkatan bagi Baki Purata Harian dan didefinisikan sebagai jumlah Baki Penutup Harian dari 15 September 2019 hingga 31 Disember 2019 dibahagikan dengan jumlah hari Tempoh Kempen.
8. Garis Dasar ditakrifkan sebagai jumlah baki penutup harian dari 1 Ogos 2019 hingga 31 Ogos 2019 dibahagikan dengan jumlah hari Tempoh Kempen.

9. Penambahan BPH ditakrifkan sebagai Baki Purata Harian Akaun Penyertaan/-i ditolak dengan Garis Dasar.
10. Maksimum Bonus Faedah/Keuntungan telah dihadkan sebanyak Ringgit Malaysia Lapan Ratus (**RM800.00**) sepanjang Tempoh Kempen.
11. Senario di bawah menunjukkan contoh pengiraan Bonus Faedah/Keuntungan Kempen:

Senario 1: Pelanggan Perbankan Prioriti Sedia Ada

Penerangan	Pengiraan bagi Pelanggan Perbankan Prioriti yang Layak
Garis Dasar	<div style="border: 1px solid black; padding: 5px; margin-bottom: 10px; text-align: center;"> <u>Baki Penutup Harian dari 1 Ogos 2019 – 31 Ogos 2019</u> Jumlah hari dalam bulan Ogos 2019 </div> <p>e.g. = $\frac{(1 \text{ Ogos}) \quad (2 \text{ Ogos}) \quad (3 \text{ Ogos}) \quad (31 \text{ Ogos})}{\text{RM43,200} + \text{RM49,700} + \text{RM45,400} \dots + \text{RM49,300}}$</p> <p style="text-align: center;">31 days</p> <p>= $\frac{\text{RM1,340,750}}{31 \text{ hari}}$</p> <p>= RM43,250.00 Garis Dasar</p>
BPH	<div style="border: 1px solid black; padding: 5px; margin-bottom: 10px; text-align: center;"> <u>Baki Purata Harian dari 15 Sep 2019 – 31 Dis 2019</u> Jumlah Hari Dalam Tempoh Kempen </div> <p>e.g. = $\frac{(15 \text{ Sep}) \quad (16 \text{ Sep}) \quad (17 \text{ Sep}) \quad (31 \text{ Dis})}{\text{RM22,230} + \text{RM51,400} + \text{RM42,900} \dots + \text{RM82,200}}$</p> <p style="text-align: center;">108 Hari</p> <p>= $\frac{\text{RM8,168,350}}{108 \text{ hari}}$</p> <p>= RM75,632.87 BPH</p>
Penambahan BPH	<div style="border: 1px solid black; padding: 5px; margin-bottom: 10px; text-align: center;"> Baki Purata Harian – Garis Dasar </div> <p>e.g. = RM75,632.87 - RM43,250.00</p> <p>= RM32,382.87 Penambahan BPH</p>
Bonus Faedah/Keuntungan Kempen	<div style="border: 1px solid black; padding: 5px; margin-bottom: 10px; text-align: center;"> Penambahan BPH x Bonus Keuntungan Kempen / 365 x Jumlah Hari Dalam Tempoh Kempen </div> <p>e.g. = RM32,382.87 x 2.60% / 365 * 108 hari</p> <p>= RM249.13 Bonus Faedah/Keuntungan Kempen</p>

--	--

Pengiraan Garis Dasar juga terpakai kepada Pelanggan Perbankan Prioriti yang telah membuka akaun dari 1 Ogos 2019 – 31 Ogos 2019.

Senario 2: Pelanggan Perbankan Prioriti Baharu

Penerangan	Pengiraan Kelayakan
Garis Dasar	Pelanggan Baharu akan mempunyai Garis Dasar RM0.00
BPH (Andaikan pelanggan membuka akaun pada 1 November 2019)	<div style="border: 1px solid black; padding: 5px; margin-bottom: 10px;"> <p style="text-align: center;"><u>Baki Penutup Harian dari tarikh akaun dibuka hingga 31 Dis 2019</u> Jumlah hari diantara tarikh akaun dibuka hingga 31 Dis 2019</p> </div> <p>e.g. = $\frac{(1 \text{ Nov}) \quad (2 \text{ Nov}) \quad (3 \text{ Nov}) \quad (31 \text{ Dec})}{60 \text{ hari}}$</p> <p style="margin-left: 40px;">= $\frac{\text{RM72,230} + \text{RM91,400} + \text{RM72,900} + \dots + \text{RM82,200}}{60 \text{ hari}}$</p> <p style="margin-left: 40px;">= RM4,168,350</p> <p style="margin-left: 40px;">= RM69,472.50 BPH</p>
Penambahan BPH	<div style="border: 1px solid black; padding: 5px; margin-bottom: 10px; text-align: center;"> <p>BPH – Garis Dasar</p> </div> <p>e.g. = RM69,472.50 – RM0.00</p> <p style="margin-left: 40px;">= RM69,472.50 Penambahan BPH</p>
Bonus Faedah/Keuntungan Kempen	<div style="border: 1px solid black; padding: 5px; margin-bottom: 10px;"> <p style="text-align: center;">Penambahan BPH x Bonus Faedah/Keuntungan Kempen / 365 x Jumlah hari diantara tarikh akaun dibuka hingga 31 Dis 2019</p> </div> <p>e.g. = RM69,472.50 x 2.00% / 365 * 60 hari</p> <p style="margin-left: 40px;">= RM228.40 Bonus Faedah/Keuntungan Kempen</p>

12. Setiap Pelanggan yang Layak mestilah mempunyai baki dalam Akaun Penyertaan/-i sekurang-kurangnya Ringgit Malaysia Enam Puluh Ribu Ringgit (**RM60,000.00**) pada akhir Tempoh Kempen untuk menjadi layak semasa Tempoh Kempen.

13. Pihak Bank akan mengenal pasti Pelanggan Perbankan Prioriti yang Layak secara automatik pada akhir Tempoh Kempen berdasarkan Kriteria Kempen yang telah dipenuhi. Borang penyertaan kempen atau pendaftaran penyertaan kempen tidak diperlukan untuk menyertai Kempen ini.

14. Bonus Faedah/Keuntungan akan dikira pada akhir Tempoh Kempen, tertakluk kepada jumlah maksimum Ringgit Malaysia Lapan Ratus (**RM800.00**) Kempen Bonus Faedah/Keuntungan bagi setiap Pelanggan Perbankan Prioriti yang Layak.
15. Jumlah maksima yang diperuntukkan untuk Kempen Bonus Faedah/Keuntungan di bawah Kempen ini adalah terhad kepada Ringgit Malaysia Satu Juta Lima Ratus Ribu (**RM1,500,000.00**) sahaja. Apabila jumlah yang diperuntukkan telah dicapai, Bank berhak untuk menamatkan Kempen dan tidak membuat sebarang pembayaran Kempen Bonus Faedah/Keuntungan.
16. Kempen Bonus Faedah/Keuntungan akan dibayar berdasarkan kepada penambahan Baki Purata Harian (BPH) yang tertinggi semasa Tempoh Kempen sehingga jumlah yang diperuntukkan habis digunakan.
17. Untuk tujuan pematuhan Syariah, Pelanggan Perbankan Prioriti yang Layak dan mempunyai Akaun Penyertaan-i berhak mendapat Bonus Keuntungan Kempen dan telah pun juga memberi kebenaran kepada HLISB untuk menggunakan Ringgit Malaysia Dua Ratus Ringgit (**RM200.00**) daripada Akaun Penyertaan-i sebagai harga belian bagi tujuan dagangan komoditi, bagi melaksanakan pembayaran Bonus Keuntungan. Dagangan komoditi akan dilaksanakan dalam tempoh tiga puluh hari (30) setelah akhir tempoh kempen dan segala keuntungan daripada dagangan komoditi ini akan dibayar balik ke Akaun Penyertaan-i pelanggan
18. Bonus Faedah/Keuntungan bagi Kempen ini akan dikreditkan dalam tempoh empat puluh lima (45) hari setelah Kempen berakhir. Pihak Bank tidak akan bertanggungjawab sekiranya berlaku sebarang kelewatan dalam mengkreditkan Bonus Faedah/Keuntungan Kempen.
19. Sekiranya Pelanggan Perbankan Prioriti yang Layak mempunyai lebih daripada satu (1) Akaun Penyertaan-i, Penyertaan Akaun/-i dengan baki akhir tertinggi pada titik data akan dikreditkan dengan Bonus Faedah/Keuntungan Kempen. Jika baki akhir daripada dua (2) atau lebih akaun adalah sama, Bonus Faedah/Keuntungan Kempen akan dikreditkan ke dalam Akaun Penyertaan/-i yang mempunyai BPH tertinggi pada akhir Tempoh Kempen
20. Akaun Penyertaan/-i mesti sentiasa aktif dan sah dengan baki minimum Ringgit Malaysia Dua Ratus (RM200.00) untuk tujuan memenuhi kriteria Kempen. Sekiranya Akaun Penyertaan/-i ditutup pada bila-bila masa sebelum pemenuhan. Pelanggan Perbankan Prioriti yang Layak akan hilang kelayakan daripada menyertai Kempen.
21. Pelanggan Perbankan Prioriti yang Layak TIDAK akan diberitahu sama ada mereka telah berjaya memenuhi syarat untuk Bonus Faedah/Keuntungan Kempen. Sekiranya Pelanggan tidak menerima Bonus Faedah/Keuntungan Kempen selepas enam puluh (60) hari dari tarikh akhir Kempen ini, pelanggan dianggap tidak layak untuk mendapat Bonus Faedah/Keuntungan Kempen dan sebarang rayuan atau permintaan untuk pembayaran Bonus Faedah/Keuntungan tidak akan dilayan oleh Pihak Bank.
22. Pihak Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kegagalan atau kelewatan dalam penghantaran atau refleksi di dalam CASA/-i Pelanggan mengenai deposit yang berkaitan yang mungkin menyebabkan pelanggan dihalang daripada menerima Bonus Faedah/Keuntungan Kempen.
23. Pihak Bank dikecualikan daripada sebarang tanggungjawab dan liabiliti yang terbit daripada penangguhan, pembatalan, kelewatan, pertukaran ganjaran Kempen atau apa-apa keadaan di luar jangkaan yang disebabkan oleh keingkaran ataupun tindakan pembekal pihak ketiga setakat yang dibenarkan oleh undang-undang.

UMUM

25. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan Perbankan Prioriti:

- (i) Telah membaca, memahami dan mematuhi T&S Kempen;
- (ii) Bersetuju bahawa T&S Kempen di sini dan Terma-Terma dan Syarat-Syarat Umum Bagi Akaun yang berkaitan dengan Akaun Penyertaan/-i atau mana-mana terma dan syarat yang berkaitan yang dikenakan oleh pihak Bank, hendaklah dibaca sebagai suatu perjanjian keseluruhan. Sekiranya berlaku percanggahan, T&S Kempen di sini akan mengatasi percanggahan tersebut.
- (iii) Bersetuju bahawa keuntungan yang diperoleh daripada Kempen ini tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga(ke-3) dan tidak boleh ditukar untuk kredit pendahuluan, cek atau manfaat seumpamanya;
- (iv) Bersetuju bahawa keputusan pihak Bank atas semua hal berkaitan dengan Kempen adalah muktamad dan terikat ke atas semua Pelanggan Perbankan Prioriti dan sebarang surat-menyerat atau rayuan untuk mempertikaikan keputusan pihak Bank tidak akan dilayan;
- (v) Bersetuju untuk mengakses laman web HLB di www.hlb.com.my atau HLISB di www.hlisb.com.my dari masa ke semasa untuk menyemak T&S Kempen dan memastikan sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan kepada T&S.

26. Pihak Bank berhak:

- (i) Menambah, membatalkan, menggantung atau meminda T&S terkandung di sini, sama ada keseluruhan atau sebahagian, termasuk tetapi tidak terhad kepada penggantian Kempen Bonus Keuntungan dengan sebarang tawaran atau produk lain yang mempunyai nilai yang sama mengikut budi bicara mutlaknyanya, dengan cara menyiarkannya di laman web rasmi HLISB dengan memberi notis dua puluh satu (21) hari sebelumnya atau dengan lain-lain cara yang dianggap sesuai oleh pihak Bank;
- (ii) Melucutkan kelayakan mana-mana Pelanggan Perbankan Prioriti atas apa jua sebab yang dianggap wajar oleh pihak Bank mengikut budi bicara mutlaknyanya daripada menyertai Kempen ini.
- (iii) Membatalkan bonus keuntungan yang diperolehi daripada Kempen ini sekiranya Pelanggan Perbankan Prioriti tidak mematuhi Terma & Syarat Kempen dan Terma & Syarat Umum bagi Akaun Penyertaan-i.

27. Pelanggan Perbankan Prioriti bertanggungjawab untuk menanggung sendiri segala cukai, Fi, atau lain-lain caj yang dikenakan oleh kerajaan Malaysia yang termaktub di bawah undang-undang berkenaan, jika ada, dengan menyertai Kempen ini.

28. Terma & Syarat ini tertakluk kepada dan ditafsirkan selaras dengan undang-undang Malaysia dan pelanggan bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa Mahkamah-Mahkamah di Malaysia secara eksklusif.

29. Perkataan yang menunjukkan satu jantina adalah termasuk semua jantina yang lain manakala perkataan yang menunjukkan tunggal adalah termasuk majmuk dan juga sebaliknya.

Akaun Penyertaan-i adalah akaun deposit berasaskan prinsip Syariah Tawarruq.

Produk Deposit/Deposit-I akan dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia sehingga RM250,000 bagi setiap pendeposit.